

NO.KAD PENGENALAN/

--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--

NO.SIJIL KELAHIRAN

ANGKA GILIRAN

--	--	--	--	--	--	--	--	--	--

BAHASA MELAYU – PEMAHAMAN

011

Bahagian B

1. *Tulis nombor kad pengenalan atau nombor sijil kelahiran dan angka giliran kamu pada petak yang disediakan.*
2. *Jawapan kamu hendaklah ditulis pada ruang jawapan yang disediakan dalam kertas soalan ini.*
3. *Serahkan **Bahagian B** ini bersama-sama borang jawapan **objektif** kepada pengawas peperiksaan pada akhir peperiksaan.*

Kegunaan Pemeriksa		
Pemeriksa:		
No. Soalan		Markah
21		
22	(a)	
	(b)	
	(c)	
23	(a)	
	(b)	
	(c)	
24	(a)	
	(b)	
	(c)	
	(d)	
25	(a)	
	(b)	
	(c)	
	(d)	
Jumlah		30

BAHAGIAN B

[30 markah]

Soalan 21

Pilih perkataan yang paling sesuai untuk diisi pada tempat kosong dalam petikan yang diberi.

Selepas itu	Namun demikian	Tambahan pula	Antaranya
Di samping itu	Walau bagaimanapun	Kemudian	Oleh itu

Sate merupakan salah satu daripada makanan yang popular di Malaysia. _____, tidak hairanlah sate menjadi hidangan utama dalam majlis-majlis rasmi. _____, harga dan cara menyediakan sate amat mudah. Sate biasanya dimakan dengan kuah kacang dan ketupat. _____, ada juga penggemar-penggemar sate memakannya dengan sambal tumis sahaja. _____, sate boleh juga dimakan begitu sahaja.

[4 markah]

Soalan 22

a. Tulis ayat tanya yang paling sesuai bagi jawapan yang diberi.

Ayat Tanya:

Jawapan: Lembu tenusu itu akan mengeluarkan susu yang banyak dan berkualiti.


[2 markah]

b. Tulis **dialog** yang sesuai bagi watak di bawah.



[2 markah]

c. Soalan berikut berdasarkan gambar di bawah ini.



Nyatakan peribahasa yang sesuai berdasarkan gambar di atas.

[2 markah]

Soalan 23

Baca petikan di bawah ini dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat yang lengkap.

Sejarah Melaka bermula apabila Parameswara, iaitu putera raja dari Palembang telah terlibat dalam peperangan merebut takhta kerajaan Majapahit pada akhir abad ke-14. Setelah ditumpaskan oleh Majapahit, baginda telah melarikan diri dan mencari perlindungan di Temasik yang pada ketika itu dikuasai oleh Siam. Setelah diusir dari Temasik pada tahun 1396, baginda dan pengikut-pengikutnya mengundurkan diri ke Muar dan kemudiannya ke Sungai Ujong sebelum singgah di Bertam yang berdekatan dengan muara sungai Melaka.

Ketika singgah di Bertam, baginda telah melihat anjing perburuannya ditendang oleh seekor pelanduk putih. Baginda amat kagum akan keberanian pelanduk putih tersebut dan membuat keputusan untuk membuka negeri di situ. Baginda juga telah bertanya nama pohon tempat baginda bersandar dan pengikutnya memberitahu bahawa nama pohon tersebut ialah pohon Melaka. Oleh itu, baginda telah membuat keputusan untuk menamakan negerinya bersempena dengan nama pohon tersebut.

Keputusan Parameswara untuk menjadikan Melaka sebagai negerinya begitu tepat sekali. Lokasinya yang strategic, iaitu di tengah-tengah tebing Selat Melaka yang menghubungkan Negara China dan India telah menjadikannya tempat yang amat sesuai sebagai pusat perdagangan.

Dipetik dan diubah suai daripada <http://www.melaka.gov.my/my/tentang-kami/sejarah>

(a) Nyatakan peristiwa yang telah dilihat oleh Parameswara di Bertam.

[2 markah]

(b) Parameswara menamakan negerinya sebagai Melaka kerana

[2 markah]

(c) Pada pendapat kamu, mengapakah bangunan bersejarah di Melaka seperti Kota A Famosa masih dipulihara dan dikekalkan sehingga ke hari ini?

[3 markah]

Soalan 24

Baca petikan di bawah, kemudian jawab soalan- soalan yang berikutnya.

Sang Gagak yang tinggal di hutan sangat berpuas hati dengan kehidupannya sehinggalah gagak itu terjumpa seekor angsa.

“Putihnya Sang Angsa. Aku hitam sangat. Sang Angsa mesti burung yang paling gembira di dunia,” kata Sang Gagak.

“ Aku hanya ada satu warna sahaja. Si kakak tua ada dua warna. Kakak tualah yang sepatutnya menjadi burung yang paling gembira di dunia,” ujar Sang Angsa kepada Sang Gagak.

Sang Gagak mencari burung kakak tua dan memberitahu apa yang dikatakan oleh Sang Angsa.

Burung kakak tua pun menjawab, “Wahai Sang Gagak sahabatku!

Dulu, aku pun fikir akulah burung yang paling hebat sehinggalah aku terjumpa Sang Merak. Sang Merak ada pelbagai warna.”

Burung gagak pun pergi ke zoo kerana ingin melihat kebetulan burung merak.

“ Wahai Sang Merak! Cantiknya kamu. Setiap hari beribu manusia datang menjengukmu. Kamulah burung yang paling bahagia di dunia,” kata Sang Gagak. Sang Merak pun menjawab, “Aku selalu rasa akulah burung yang paling cantik dan gembira di dunia ini. Tapi kerana kecantikanlah aku terkurung di dalam zoo ini. Aku telah meninjau di sekitar zoo ini dan mendapati hanya burung spesis kamu sahaja yang tiada di sini. Kalau aku berada di tempat kamu Sang Gagak, aku rasa akulah burung yang paling gembira kerana dapat bergerak bebas tanpa batasan.

a. Mengapakah Sang Gagak berasa tidak gembira dan kurang berpuas hati?

[2 markah]

b. Mengapakah Sang Ansa berasa kurang gembira setelah bertemu dengan burung kakak tua?

[2 markah]

c. Sekiranya kamu diberi pilihan untuk menjadi burung gagak, angsa, kakak tua atau merak, yang mana satukah pilihan kamu. Mengapa?

[2 markah]

Soalan 25

Baca syair di bawah, kemudian jawab soalan-soalan yang berikut.

Negara Malaysia merdeka sudah,
Rasa bangga hidup di negara bertuah,
Rakyat pebagai bangsa rassa bertuah,
Hidup sejahtera tanpa rasa resah.

Negara Malaysia kebanggaan kita,
Rakyatnya hidup dalam sejahtera,
Semangat perpaduan paling utama,
sentiasa taat setia kepada negara.

Hidup bersatu tanpa mengira bangsa,
Keamanan negara sentiasa terpelihara,
Berusaha untuk memajukan negara,
Demi kemakmuran sepanjang masa.

Negara kita di bawah raja berdaulat,
Negara kita di bawah raja berdaulat,
Semangat berkerjasama membawa berkat,
Agar ancaman musuh mudah disekat.

Hidup hendaklah sentiasa berbudi,
sanggup berkorban mencurahkan bakti,
Rakyat hidup sentiasa bersatu hati,
Mempertahankan kemerdekaan ibu

a. Apakah maksud rangkap keempat syair di atas?

[2 markah]

b. Bagaimanakah kita dapat memelihara keamanan negara?

[1 markah]

c. Tandakan (√) bagi pernyataan yang betul dan (×) bagi pernyataan yang salah berdasarkan syair tersebut.

Bukan tanggungjawab rakyat demi pembangunan negara.	<input type="checkbox"/>
Rakyat haruslah bersatu padu untuk memelihara kemerdekaan negara?	<input type="checkbox"/>

[1 markah]

Rakyat hidup sentiasa bersatu hati. Mempertahankan ibu pertiwi.
--

d. Terangkan maksud baris-baris syair di atas.

[3 markah]

KERTAS SOALAN TAMAT